

SEKSYEN 2

Hasil Kerajaan Persekutuan

27 PERSPEKTIF KESELURUHAN

27 HASIL 2024

Rencana - Perspektif Keseluruhan: Pendekatan Malaysia dalam Melaksanakan Cukai Minimum Global

35 TINJAUAN 2025

36 KESIMPULAN

SEKSYEN 2

Hasil Kerajaan Persekutuan

Perspektif Keseluruhan

Kerajaan akan meneruskan langkah pembaharuan fiskal untuk mewujudkan ruang fiskal yang mencukupi sekali gus menyokong pembangunan mampan dan membina ekonomi berdaya tahan yang akan lebih berupaya mendepani kejutan luaran dengan lebih baik. Oleh itu, rangka kerja pengurusan fiskal yang berkesan dan cekap perlu dinyatakan dengan jelas oleh Kerajaan bagi menggalakkan kestabilan makroekonomi dan persekitaran perniagaan yang kondusif. Usaha tersebut bertujuan menjamin asas yang stabil untuk pertumbuhan masa hadapan di samping menyumbang kepada kemakmuran negara secara keseluruhan sejajar dengan prinsip Ekonomi MADANI. Keseluruhan sistem percukaian dan pengurusan hasil merupakan antara komponen dasar fiskal yang perlu disusun dengan baik dan terus diperbaharui secara strategik untuk penjanaan hasil yang mampan. Sehubungan itu, Strategi Hasil Jangka Sederhana (MTRS) menjadi garis panduan kepada Kerajaan dalam mengoptimumkan sumber dan kutipan hasil selaras dengan Seksyen 10(1) Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal 2023 [Akta 850] yang memfokuskan kepada penggubalan dasar hasil berdasarkan prinsip kecekapan, keadilan dan kesaksamaan.

Beberapa inisiatif telah digaris dan dilaksanakan mencerminkan komitmen Kerajaan bagi meningkatkan penjanaan hasil dan mengagihkan semula kepada rakyat secara saksama dan adil. Pada tahun ini, Kerajaan telah memperkenalkan pelbagai langkah untuk meningkatkan kutipan hasil, meluaskan asas cukai dan meminimumkan ketirisan hasil

terutamanya daripada ekonomi bayangan. Inisiatif utama termasuk pendigitalan cukai dan pelaporan kewangan melalui e-Invois, pelaksanaan cukai keuntungan modal serta semakan semula kadar cukai perkhidmatan. Selain itu, cukai jualan ke atas barangan bernilai rendah yang diimport telah dikenakan ke atas barangan bernilai RM500 ke bawah mulai 1 Januari 2024. Kerajaan juga komited untuk melaksanakan Cukai Minimum Global (GMT) pada 2025 bagi menangani isu pelarian dan pengelakan cukai di samping mendukung amalan terbaik global.

Hasil 2024

Hasil Kerajaan Persekutuan pada 2024 telah disemak semula dan dijangka meningkat sebanyak 2.3% kepada RM322.1 bilion berbanding 2023. Hasil cukai terus menjadi penyumbang utama kepada kutipan hasil keseluruhan pada RM241 bilion merangkumi 74.8% daripada jumlah hasil. Hasil cukai kekal stabil pada 12.4% daripada KDNK mencerminkan usaha berterusan oleh Kerajaan untuk meluaskan asas cukai. Sementara itu, hasil bukan cukai dianggar berkurang sebanyak 5.5% kepada RM81 bilion dengan bahagian yang lebih rendah iaitu 25.2% kepada hasil keseluruhan.

Cukai langsung diunjur meningkat sebanyak 3.3% kepada RM177.1 bilion terutamanya disumbangkan oleh kutipan cukai pendapatan individu dan syarikat sebanyak RM139.3 bilion. Cukai pendapatan individu dianggar meningkat sebanyak 8% kepada RM40.8 bilion berikutan pertumbuhan gaji yang stabil ditambah dengan bilangan pembayar cukai individu yang lebih tinggi. Hasil daripada cukai

JADUAL 2.1. Hasil Kerajaan Persekutuan, 2023 – 2025

KOMPONEN	RM JUTA			PERUBAHAN (%)			BAHAGIAN (%)		
	2023	2024 ¹	2025 ²	2023	2024 ¹	2025 ²	2023	2024 ¹	2025 ²
Hasil cukai	229,185	241,035	259,037	9.8	5.2	7.5	72.8	74.8	76.3
Cukai langsung	171,336	177,060	188,799	11.6	3.3	6.6	54.4	54.9	55.6
<i>antaranya:</i>									
CITA	91,743	98,540	106,478	11.7	7.4	8.1	29.1	30.6	31.4
Individu	37,770	40,776	43,970	11.8	8.0	7.8	12.0	12.7	12.9
PITA	26,096	21,750	20,742	11.4	-16.7	-4.6	8.3	6.8	6.1
Cukai tidak langsung	57,849	63,975	70,238	4.6	10.6	9.8	18.4	19.9	20.7
<i>antaranya:</i>									
SST	35,463	40,914	46,743	13.1	15.4	14.2	11.3	12.7	13.8
Duti eksais	13,144	13,684	13,795	4.7	4.1	0.8	4.2	4.3	4.1
Duti import	3,037	3,027	3,269	-4.9	-0.3	8.0	1.0	0.9	1.0
Duti eksport	2,039	1,974	1,955	-22.2	-3.2	-1.0	0.6	0.6	0.6
Hasil bukan cukai	85,774	81,015	80,669	0.2	-5.5	-0.4	27.2	25.2	23.7
<i>antaranya:</i>									
Lesen dan permit	16,741	16,547	16,659	7.1	-1.2	0.7	5.3	5.1	4.9
Pendapatan pelaburan	55,824	49,321	48,213	-4.1	-11.6	-2.2	17.7	15.3	14.2
Jumlah hasil	314,959	322,050	339,706	7.0	2.3	5.5	100.0	100.0	100.0
Bahagian daripada KDNK (%)	17.3	16.5	16.3						

¹ Anggaran disemak² Anggaran belanjawan tidak termasuk langkah Belanjawan 2025

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

pendapatan syarikat (CITA) diunjur meningkat sebanyak 7.4% kepada RM98.5 bilion berikutan pendapatan korporat yang lebih baik terutamanya daripada sektor perkhidmatan dan pembuatan. Selain itu, pelaksanaan e-Invois yang telah dikuatkuasakan secara berperingkat bermula Ogos 2024 dijangka meningkatkan lagi kecekapan dan menyumbang kepada kutipan yang lebih baik. Walau bagaimanapun, cukai pendapatan petroleum (PITA) dianggar lebih rendah kepada RM21.8 bilion berikutan pengeluaran minyak mentah yang lebih rendah. Sementara itu, kutipan lain daripada cukai langsung terutamanya duti setem dan cukai keuntungan harta tanah (CKHT) dianggar meningkat kepada RM10.9 bilion disumbangkan oleh urus niaga pasaran harta tanah yang lebih tinggi.

Kutipan **cukai tidak langsung** dijangka meningkat sebanyak 10.6% kepada RM64 bilion didorong oleh kutipan cukai jualan dan cukai perkhidmatan (SST) serta duti eksais yang lebih tinggi. Cukai perkhidmatan diunjur melonjak sebanyak 25.8% kepada RM21.5 bilion seiring dengan kenaikan kadar cukai daripada 6% kepada 8% di samping peluasan skop perkhidmatan yang antara lain termasuk perkhidmatan logistik, pembrokeran dan pengunderaitan berkuat kuasa 1 Mac 2024. Cukai jualan dianggar meningkat sebanyak 5.7% kepada RM19.4 bilion berikutan jangkakan jualan kenderaan penumpang yang lebih tinggi dan pelaksanaan cukai barangan bernilai rendah mulai 1 Januari 2024. Menurut laporan Persatuan Automotif Malaysia (MAA), jualan kenderaan penumpang dalam tempoh lapan

bulan pertama 2024 meningkat sebanyak 8% berbanding tempoh yang sama pada 2023. Duti eksais dijangka meningkat sebanyak 4.1% kepada RM13.7 bilion sejajar dengan pertambahan pengeluaran kenderaan bermotor berikutan lonjakan permintaan untuk kenderaan baharu.

Hasil bukan cukai dianggar berkurang kepada RM81 bilion pada 2024 terutamanya disebabkan oleh pendapatan pelaburan yang lebih rendah khususnya dividen daripada PETRONAS berjumlah RM32 bilion yang mencerminkan kebergantungan lebih rendah kepada hasil berkaitan petroleum. Terimaan daripada lesen dan permit dijangka berkurang kepada RM16.5 bilion terutamanya disebabkan oleh hasil royalti petroleum yang lebih rendah. Sebaliknya, beberapa komponen hasil bukan cukai diunjur meningkat seterusnya mengimbangi kesan terimaan dividen PETRONAS yang lebih rendah. Kerajaan telah menerima dividen daripada Bank Negara Malaysia (BNM) berjumlah RM2.85 bilion manakala RM1 bilion dijangka diterima daripada Khazanah Nasional Berhad. Sementara itu, Kerajaan dijangka menerima

hasil daripada langkah dapatan semula aset berjumlah RM2.3 bilion dan wang tidak dituntut dianggar berjumlah RM2 bilion berikutan penambahbaikan Akta Wang Tak Dituntut 1965 [Akta 370]. Tempoh wang tidak dituntut yang dikreditkan ke dalam Akaun Hasil Disatukan telah dikurangkan daripada 15 tahun kepada 10 tahun di bawah Seksyen 11 Akta tersebut. Selain itu, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) dianggar menyumbang RM3 bilion untuk membiayai sebahagian bayaran persaraan tahun semasa. Kutipan lesen kenderaan bermotor juga dijangka stabil pada RM3.3 bilion seiring dengan peningkatan jualan kenderaan penumpang manakala levi pekerja asing dianggar kekal pada RM3.7 bilion.

Pada 2024, bahagian **hasil berkaitan petroleum** diunjur lebih rendah pada 19.6% daripada jumlah hasil atau 3.2% daripada KDNK. **Hasil bukan petroleum** dijangka meningkat sebanyak 8.3% kepada RM259 bilion disokong oleh kutipan yang lebih baik daripada hasil cukai yang mencerminkan usaha mempelbagaikan hasil serta prospek ekonomi yang positif pada 2024.

RENCANA

Perspektif Keseluruhan: Pendekatan Malaysia dalam Melaksanakan Cukai Minimum Global

Pengenalan

Kerajaan telah melaksanakan beberapa siri pembaharuan fiskal bertujuan mengukuhkan kewangan awam demi kemampuan fiskal jangka masa panjang. Pengenalan Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal 2023 [Akta 850] pada 1 Januari 2024 merupakan salah satu daripada pembaharuan tersebut. Akta ini antaranya memberikan mandat kepada Kerajaan untuk mewujudkan sistem percukaian yang cekap dan rangka kerja perundangan yang adil serta merangka Strategi Hasil Jangka Sederhana (MTRS). Dalam hal ini, kajian menyeluruh ke atas dasar dan sistem percukaian yang dirancang dengan baik penting untuk menjana hasil yang mencukupi dan membina semula ruang fiskal bagi menyediakan fleksibiliti langkah kitaran balas semasa krisis ekonomi seterusnya meningkatkan kestabilan dan daya tahan makroekonomi.

Secara amnya, lebih daripada 50% hasil Kerajaan Persekutuan disumbangkan oleh kutipan cukai langsung. Sekitar 85% daripada cukai langsung tersebut dijana daripada cukai pendapatan. Cukai tersebut dikenakan ke atas pendapatan syarikat dan individu yang diperoleh di Malaysia atau pendapatan yang diterima di Malaysia dari luar negara. Syarikat dikenakan cukai pada kadar 24% ke atas pendapatan bercukai dengan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) mendapat manfaat daripada kadar konsesi 15%, 17% dan 24%. Kerajaan telah menawarkan pelbagai insentif untuk menarik pelaburan termasuk pemberian insentif cukai seperti Taraf Perintis dan Elaun Cukai Pelaburan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan (PIA) 1986 yang menghasilkan kadar cukai efektif yang jauh lebih rendah. Seiring dengan perkembangan dasar percukaian antarabangsa, Kerajaan terus menyesuaikan dan menyelaraskan dasar cukai domestik dengan amalan terbaik global di samping memastikan Malaysia kekal berdaya saing dan relevan sebagai destinasi pelaburan pilihan bagi menyokong matlamat pembangunan negara.

Penyertaan dalam Forum Global

Kerjasama cukai antarabangsa bertujuan menggalakkan ketelusan cukai, memerangi pelarian dan pengelakan cukai serta memastikan amalan percukaian yang saksama. Malaysia mempamerkan komitmen melalui penyertaan aktif negara dalam inisiatif antarabangsa dan pematuhan kepada piawaian global seterusnya meningkatkan kedudukan Malaysia dalam komuniti global. Malaysia menerima pakai piawaian cukai yang diiktiraf pada peringkat antarabangsa yang menyokong pembangunan ekonomi melalui penyediaan sistem cukai yang stabil dan boleh dijangka untuk perniagaan dan pelabur. Kerajaan telah mengambil langkah penting untuk mematuhi piawaian percukaian antarabangsa terutamanya inisiatif Penghakisan Asas Cukai dan Pemindahan Keuntungan (BEPS) yang berkaitan. Inisiatif ini menggariskan rangka kerja untuk menangani pengelakan cukai dan amalan cukai memudaratkan oleh syarikat yang menjalankan perniagaan rentas sempadan.

Kepentingan Cukai Minimum Global dalam Rangka Kerja Cukai Antarabangsa

Satu perjanjian melalui *two-pillar approach* untuk memastikan perundangan dan persekitaran cukai yang konsisten dan telus telah dibangunkan di bawah Rangka Kerja Inklusif OECD/G20 mengenai BEPS sejak 2013. Perjanjian ini bertujuan menerapkan layanan cukai yang sama ke atas keuntungan perusahaan multinasional (MNE) di negara yang mengambil bahagian tanpa mengira lokasi perniagaan. *Pillar One* mengubah peraturan bagi peruntukan keuntungan serta perhubungan manakala *Pillar Two* menetapkan Cukai Minimum Global (GMT) pada kadar efektif 15% untuk MNE dengan hasil global melebihi EUR750 juta. Perubahan dasar percukaian antarabangsa ini dijangka akan mencapai beberapa objektif seperti berikut:

1. **Menangani Pengelakan Cukai dan Peralihan Keuntungan:** Matlamat utama GMT adalah untuk mengatasi strategi perancangan cukai agresif yang digunakan oleh MNE bagi mengalihkan keuntungan daripada bidang kuasa berkadar cukai tinggi kepada bidang kuasa berkadar cukai rendah. Pengenaan GMT ke atas keuntungan global boleh mengurangkan kemungkinan peralihan keuntungan oleh MNE. Langkah ini memastikan negara di mana aktiviti ekonomi berlaku dapat mengekalkan asas cukai dan MNE menyumbang secara saksama kepada hasil negara berkenaan.

2. **Menggalakkan Keadilan dan Kesaksamaan:** GMT mewujudkan kesamarataan bagi memastikan semua MNE menyumbang secara adil kepada negara di mana aktiviti ekonomi beroperasi. Pendekatan ini akan mengurangkan percanggahan dalam persaingan cukai melibatkan bidang kuasa yang menawarkan kadar cukai yang terlalu rendah seterusnya mampu menjejaskan kestabilan fiskal dan mewujudkan herotan ekonomi.
3. **Membolehkan Pembangunan Mampan:** Pengurangan peralihan keuntungan dan penambahbaikan pematuhan cukai di bawah GMT akan meningkatkan hasil kerajaan untuk pembiayaan perkhidmatan awam, infrastruktur dan program sosial. Hasil cukai sangat penting bagi negara membangun untuk mencapai pembangunan mampan.
4. **Mengukuhkan Kerjasama Global:** Pelaksanaan GMT memerlukan usaha pelarasan global bagi memupuk amalan percukaian yang telus, mengukuhkan pentadbiran cukai dan membina kepercayaan dalam kalangan bidang kuasa. Pendekatan bersepadu ini menyediakan platform berstruktur bagi menyelaraskan dasar percukaian untuk menangani pengelakan cukai rentas sempadan dengan berkesan.
5. **Mewujudkan Keyakinan dan Kestabilan Perniagaan:** GMT mewujudkan persekitaran perniagaan yang lebih stabil dan boleh dijangka melalui penyeragaman liabiliti cukai dan rangka kerja peraturan merentas bidang kuasa seterusnya menggalakkan pelaburan jangka masa panjang dan pertumbuhan ekonomi.

Pada masa ini, semua 147 negara anggota Rangka Kerja Inklusif OECD/G20 mengenai BEPS telah bersetuju dengan kadar GMT sebanyak 15% ke atas keuntungan global MNE. Sehingga 7 Jun 2024, sebanyak 45 negara telah menggubal draf atau meluluskan undang-undang yang menggabungkan peraturan model *Pillar Two* dalam rangka kerja perundangan. Walaupun belum mengemukakan sebarang cadangan perundangan, 10 bidang kuasa tambahan berhasrat untuk melaksanakan *Pillar Two*. Di rantau ASEAN, Malaysia dan Viet Nam telah mengambil langkah proaktif untuk melaksanakan dan mengguna pakai GMT dalam dasar cukai domestik. Sementara itu, Indonesia, Singapura dan Thailand sedang dalam proses merangka perundangan yang berkaitan dengan GMT.

Cukai Minimum Global di Malaysia

Malaysia telah menyertai Rangka Kerja Inklusif OECD/G20 mengenai BEPS sebagai ahli bersekutu pada 2017. Walaupun perbincangan mengenai pelaksanaan *Pillar One* masih belum selesai, kebanyakan bidang kuasa termasuk Malaysia telah bersetuju untuk melaksanakan *Pillar Two*. Susulan pengumuman dalam Belanjawan 2024, Kerajaan telahewartakan Rang Undang-Undang Kewangan (No. 2) 2023 pada Disember 2023 [Akta Kewangan (No. 2) 2023]. Akta Kewangan (No. 2) 2023 menggabungkan peruntukan perundangan peraturan *Pillar Two* OECD ke dalam semua akta berkaitan hasil di Malaysia, iaitu Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 dan Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990. Peraturan Model *Pillar Two* Malaysia yang diperkenalkan di bawah Akta Kewangan (No. 2) 2023 digubal agar sejajar dengan Peraturan Model *Pillar Two* OECD.

Malaysia telah memperuntukkan perundangan Peraturan Model *Pillar Two* OECD dalam undang-undang percukaian dan akan berkuat kuasa untuk tahun kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2025. Peruntukan daripada rangka kerja GMT tersebut termasuk *Income Inclusion Rule* dan *Undertaxed Profits Rule*. Undang-undang yang dipinda juga membenarkan Kerajaan melaksanakan *Qualified Domestic Minimum Top-up Tax*. Langkah ini bagi memastikan kutipan cukai yang mencukupi dalam negara sebelum peraturan antarabangsa mula berkuat kuasa.

Kajian oleh United Nations Conference on Trade and Development (UNCTAD) pada 2022 mencadangkan negara yang menawarkan insentif percukaian sehingga menyebabkan kadar cukai efektif berada di bawah 15% boleh memberikan hasil cukai kepada bidang kuasa lain di lokasi MNE beroperasi. Oleh itu, keputusan Malaysia untuk melaksanakan GMT akan mengurangkan risiko kemungkinan kehilangan hasil cukai. Pengenalan GMT di Malaysia menandakan fasa penting dalam konteks kerjasama percukaian antarabangsa. Pelaksanaan GMT membolehkan Malaysia mengukuhkan asas cukai, menyokong kesaksamaan percukaian global, menggalakkan persaingan cukai yang adil dan pembangunan mampan.

Melangkah ke Hadapan

Pelaksanaan GMT memerlukan Kerajaan menambah baik undang-undang dan sistem pentadbiran cukai berkaitan secara berterusan. Inisiatif ini melibatkan pindaan perundangan sedia ada supaya selari dengan amalan terbaik percukaian global. Di samping itu, pelaksanaan GMT yang berkesan juga memerlukan sumber yang kukuh termasuk bakat mahir dan teknologi yang sesuai bagi memastikan pematuhan dan penguatkuasaan pembaharuan cukai. Kerajaan juga perlu meningkatkan dan merangka strategi pelaburan negara yang lebih mantap selaras dengan aspirasi rangka kerja Ekonomi MADANI.

Berdasarkan cadangan OECD untuk menangani cabaran pelaksanaan GMT, negara harus menekankan strategi yang menggalakkan integrasi yang lebih baik dengan pasaran serantau dan global di samping mengurangkan sekatan ke atas aliran masuk FDI. Selain itu, terdapat keperluan untuk melaksanakan anjakan dasar berkaitan kemudahan menjalankan perniagaan iaitu dengan mengurangkan karenah birokrasi dan memudahkan peraturan, memerangi rasuah serta memajukan penyelidikan dan pembangunan. Dasar ini akan membolehkan ekosistem keusahawanan dan inovasi yang kukuh serta memperkasakan rantaian industri domestik. Cadangan tersebut menekankan kepentingan mengukuhkan institusi, mendukung kedaulatan undang-undang, melindungi hak milik, meningkatkan ketelusan, memupuk kestabilan politik serta menyediakan persekitaran perundangan dan kawal selia yang stabil.


Semakan semula rangka kerja insentif percukaian sedia ada akan diteruskan selaras dengan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030) yang menggariskan dasar pelaburan transformatif Kerajaan dengan tumpuan kepada sektor pertumbuhan tinggi dan nilai tinggi (GHV). Kementerian Kewangan telah menubuhkan pasukan petugas untuk membangunkan rangka kerja insentif percukaian baharu yang melibatkan wakil daripada Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia serta kementerian dan agensi lain yang berkaitan. Institut Percukaian Malaysia juga dijemput untuk menjadi sebahagian daripada pasukan petugas mewakili industri berkaitan dan pengamal cukai bertauliah. Bagi membangunkan rangka kerja insentif percukaian yang dimaksudkan, Kerajaan

akan memastikan rangka kerja ini sejajar dengan GMT dan dasar percukaian antarabangsa yang memberi tumpuan kepada penciptaan nilai jangka masa panjang. Inisiatif ini akan mengurangkan kesan negatif yang mungkin timbul ke atas aliran pelaburan apabila Kerajaan beralih kepada pendekatan berasaskan hasil. Kerjasama berterusan dengan agensi penggalakan pelaburan dan kementerian juga penting untuk mengekalkan keyakinan pelabur dan kestabilan ekonomi.

Malaysia akan terus mengambil bahagian dalam inisiatif percukaian antarabangsa termasuk Rangka Kerja Inklusif OECD/G20 mengenai BEPS yang berpotensi meningkatkan peranan Malaysia untuk menjadi antara penyumbang utama dalam penggubalan peraturan percukaian antarabangsa seterusnya melindungi kepentingan negara. Penyertaan aktif dalam forum percukaian antarabangsa akan menyokong dan memudahkan pelaksanaan GMT yang berkesan serta mematuhi piawaian antarabangsa. Kerjasama rapat dengan pihak berkuasa cukai dan organisasi antarabangsa lain akan memudahkan pertukaran maklumat yang berkesan dan usaha penguatkuasaan yang bersepadu.

Pentadbiran cukai juga harus memberikan kepastian dan kebolehjangkaan yang lebih baik dalam perundangan dan sistem cukai dengan insentif percukaian diberikan berdasarkan objektif yang telah ditetapkan serta kriteria yang jelas dan telus. Prosedur pentadbiran perlu diperkemas melalui kajian dan pengukuhan tata kelola pentadbiran cukai secara menyeluruh bagi memastikan keberkesanan dalam menarik pelaburan berbanding kemungkinan kehilangan hasil. Penambahbaikan pentadbiran cukai ini bagi memastikan GMT boleh dilaksanakan dengan berkesan di samping daya tarikan pelaburan dikekalkan atau diperhalusi terutamanya kepada MNE.

RAJAH 1. Garis Masa Pelaksanaan Cukai Minimum Global



¹ Berdasarkan kepada OECD Global Anti-Base Erosion Model Rules (Pillar Two)
Sumber: Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Kesimpulan

Malaysia akan memperoleh manfaat daripada penyertaan aktif dalam pelaksanaan GMT yang akan meningkatkan reputasi negara pada peringkat antarabangsa, melindungi asas cukai dan menggalakkan persekitaran perniagaan yang stabil. Malaysia perlu mempunyai rangka kerja percukaian yang berkesan bagi menggalakkan aktiviti pelaburan dalam persekitaran global yang lebih mencabar. Justeru, Malaysia dapat memastikan kejayaan pelaksanaan GMT dengan pengenalan langkah perundangan khusus dan kerjasama dengan bidang kuasa lain di samping terus memantau perkembangan global. Pelaksanaan GMT boleh meningkatkan pematuhan cukai dalam kalangan MNE dan akhirnya meningkatkan kutipan hasil Kerajaan dalam jangka masa panjang. Penjana hasil yang mampan membolehkan Kerajaan meningkatkan kewangan awam, menyediakan kemudahan yang lebih baik untuk rakyat dan memastikan kestabilan makroekonomi.

Rujukan

- Azémar, C., & Giroud, A. (2023). *World Investment Report 2022: International tax reforms and sustainable investment*. *Journal of International Business Policy*, 6(2), 235–239. <https://doi.org/10.1057/s42214-023-00148-1>
- Casella, B., & Souillard, B. (2022). *UNCTAD Insights: A new framework to assess the fiscal impact of a global minimum tax on FDI*. *Transnational Corporations*, 29(2), 105–143. <https://doi.org/10.18356/2076099x-29-2-5>
- Hugger, F., et al. (2024), *The Global Minimum Tax and the taxation of MNE profit*, *OECD Taxation Working Papers*, No. 68, OECD Publishing, Paris, <https://doi.org/10.1787/9a815d6b-en>.
- Keen, M., Liu, L., & Pallan, H. (2024). *How will the global minimum tax affect real investment by multinationals?* <https://blogs.worldbank.org/en/developmenttalk/how-will-global-minimum-tax-affect-real-investment-multinationals>
- Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. *Implementation Timeline of GMT in Malaysia*. <https://www.hasil.gov.my/antarabangsa/global-minimum-tax-gmt/implementation-timeline-of-gmt-in-malaysia/>
- OECD (2021), *Tax Challenges Arising from the Digitalisation of the Economy – Global Anti-Base Erosion Model Rules (Pillar Two): Inclusive Framework on BEPS*, OECD Publishing, Paris, <https://doi.org/10.1787/782bac33-en>.
- Hataiseree, R. (2024). *Global tax reform: What lies ahead for ASEAN+3? - ASEAN+3 Macroeconomic Research Office - AMRO ASIA*. ASEAN+3 Macroeconomic Research Office - AMRO ASIA. <https://amro-asia.org/global-tax-reform-what-lies-ahead-for-asean3>

Tinjauan 2025

Hasil Kerajaan Persekutuan dianggar meningkat sebanyak 5.5% kepada RM339.7 bilion seiring dengan prospek ekonomi yang lebih baik pada 2025. Hasil cukai yang diunjur sebanyak RM259 bilion terus menjadi penyumbang utama sebanyak 76.3% kepada hasil keseluruhan atau 12.4% daripada KDNK. Sementara itu, hasil bukan cukai dijangka mencecah RM80.7 bilion atau 3.9% daripada KDNK.

Kutipan **cukai langsung** diunjur meningkat sebanyak 6.6% kepada RM188.8 bilion merangkumi 72.9% daripada jumlah hasil cukai dengan jangkaan kutipan cukai pendapatan yang lebih tinggi. Kutipan daripada CITA kekal sebagai penyumbang terbesar sebanyak RM106.5 bilion pada 2025 berikutan pelaksanaan e-Invois secara berperingkat dan prospek ekonomi yang lebih memberangsangkan. Cukai pendapatan individu turut diunjur bertambah baik sebanyak 7.8% kepada RM44 bilion sejajar dengan pasaran pekerjaan yang stabil dan gaji yang lebih baik. Selain itu, kenaikan gaji penjawat awam dijangka memberikan impak positif kepada kutipan cukai pendapatan individu dengan lebih ramai penjawat awam layak dikenakan cukai. Sementara itu, PITA diunjur merekodkan kutipan yang lebih rendah sebanyak RM20.7 bilion dengan jangkaan harga minyak mentah yang lebih rendah. Tambahan pula, hasil daripada komponen cukai langsung yang lain seperti duti setem pada RM10.1 bilion dan CKHT pada RM1.8 bilion dijangka lebih tinggi berdasarkan jangkaan peningkatan berterusan dalam pasaran hartanah.

Cukai tidak langsung dijangka bertambah baik sebanyak 9.8% kepada RM70.2 bilion dengan kutipan SST menyumbang bahagian

tertinggi iaitu 66.5% kepada jumlah keseluruhan sebanyak RM46.7 bilion atau 2.2% daripada KDNK. Daripada jumlah ini, RM20.8 bilion adalah daripada cukai jualan manakala RM26 bilion daripada cukai perkhidmatan seiring dengan pelaksanaan penuh kadar baharu cukai perkhidmatan serta peningkatan sentimen pengguna dan keyakinan perniagaan. Kutipan duti eksais diunjur meningkat kepada RM13.8 bilion selaras dengan jangkaan peningkatan dalam pengeluaran kenderaan bermotor pada 2025.

Hasil bukan cukai dianggar berkurang sebanyak 0.4% kepada RM80.7 bilion terutamanya disebabkan oleh hasil yang lebih rendah daripada pendapatan pelaburan. Dividen tahunan diterima terutamanya daripada PETRONAS yang dijangka kekal sebanyak RM32 bilion diikuti oleh BNM (RM4 bilion) dan Khazanah Nasional Berhad (RM2 bilion). Sementara itu, sebanyak RM4 bilion dijangka diterima daripada KWAP untuk membiayai sebahagian bayaran persaraan. Kutipan daripada lesen dan permit diunjur meningkat kepada RM16.7 bilion disumbangkan oleh hasil yang lebih tinggi daripada levi pekerja asing sebanyak RM3.7 bilion dan lesen kenderaan bermotor sebanyak RM3.4 bilion.


Pada 2025, **hasil berkaitan petroleum** dijangka mencatat kutipan yang lebih rendah sebanyak RM62 bilion atau 18.3% daripada jumlah hasil iaitu 3% daripada KDNK dengan dividen PETRONAS merangkumi lebih separuh daripada jumlah keseluruhan. Sebaliknya, **hasil bukan petroleum** diunjur meningkat sebanyak 7.2% kepada RM277.7 bilion mencerminkan kepelbagaian hasil yang lebih baik berikutan prospek ekonomi yang menggalakkan. Kerajaan akan terus memastikan penjana hasil bukan petroleum yang mampan bagi membiayai komitmen perbelanjaan terutamanya untuk memenuhi keperluan rakyat.

Kesimpulan


Kerajaan akan terus memperkukuh pengurusan hasil di samping meningkatkan kecekapan melalui penggunaan kemajuan teknologi dan pendekatan inovatif. Inisiatif tersebut bertujuan untuk menyelaraskan pentadbiran cukai dengan menambah baik penyampaian perkhidmatan dan memudahkan proses sekali gus meningkatkan pematuhan cukai. Inisiatif pembaharuan utama khususnya pelaksanaan MTRS akan mengambil

pendekatan komprehensif untuk menilai ekosistem hasil, membangunkan dasar hasil yang berkesan dan mengukuhkan rangka kerja perundangan supaya sejajar dengan amalan terbaik antarabangsa. Penggubalan dasar hasil akan berlandaskan kecekapan, keadilan dan kesaksamaan demi mendukung prinsip akauntabiliti. Justeru, inisiatif tersebut penting untuk menjana hasil yang mampan, mewujudkan persekitaran perniagaan yang kondusif dan berdaya saing, menggalakkan pelaburan baharu serta menyokong pertumbuhan jangka masa panjang.

RAJAH 2.1. Hasil Berkaitan Petroleum dan Bukan Petroleum (% daripada jumlah hasil)



RAJAH 2.2. Hasil sebagai Peratusan daripada KDNK (% daripada KDNK)



¹ Anggaran disemak

² Anggaran belanjawan tidak termasuk langkah Belanjawan 2025

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia